



TAMAN TUGU TENANG DAN MENDAMAIKAN

Oleh Rasfan Abu Bakar

TAMAN Tugu ialah satu daripada destinasi baharu buat pengunjung yang datang ke Kuala Lumpur.

Taman yang mempunyai keluasan 66 ekar ini merupakan cetusan idea Khazanah Nasional Berhad sebagai sebahagian daripada program komunitinya. Objektif pembukaan taman ini adalah untuk memelihara kawasan hijau di tengah kota Kuala Lumpur dan menjadikannya sebuah

taman hutan bandar bagi warga kotanya.

Inisiatif awal projek ini adalah untuk mewujudkan taman tema tetapi setelah menerima petisyen daripada pelbagai lapisan penduduk dan badan bukan kerajaan (NGO) seperti Persatuan Alam Semula jadi Malaysia (MNS) mengenai pemuliharaan, pihak Khazanah telah membuat satu keputusan penting, iaitu menjadikan tempat ini sebagai

taman perlindungan hutan sekunder. Keputusan penting ini diambil untuk mengelakkan ketidakseimbangan ekosistem sedia ada, serta memulihara kawasan ini bagi kegunaan generasi masa hadapan.

Taman ini yang terletak di atas bukit dari Monumen Tugu Negara dan bertentangan dengan Taman Tasik, mempunyai beberapa laluan denai hutan yang mempunyai beberapa jarak seperti 1.5 kilometer

(km) dan 3km. Menjelang tahun 2020, laluan denai ini juga akan ditambah memandangkan taman ini



Kawasan riadah.

mempunyai kawasan yang luas, iaitu meliputi 40 ekar tanah hutan serta mempunyai lebih daripada 5000



Kawasan aktiviti yang disediakan.

pohon asli yang sesetengahnya telah berusia lebih seratus tahun. Di sini juga terdapat banyak pokok kelapa sawit dari Afrika Barat yang dibawa oleh penjajah British pada tahun 1870-an untuk dijadikan tanaman hiasan. Di samping itu, terdapat

pelbagai spesies serangga dan burung yang hidup bebas.


Menurut sejarah, taman ini sebenarnya merupakan kawasan perumahan kepada Pegawai British semasa era kolonial dan selepas kemerdekaan. Rumah ini kemudiannya dihuni oleh pegawai kerajaan Malaysia termasuklah Menteri Pertanian dan Kewangan Pertama Malaysia, Tun Tan Siew Sin. Namun begitu, yang tinggal kini ialah tinggalan konkrit

serta simen yang boleh dilihat di sepanjang laluan di taman ini.


Selain itu, terdapat sebuah madrasah, iaitu Madrasah Bustanul Ulum dan empat buah kuil Hindu yang dibina untuk menampung keperluan pusat ibadat bagi



Antara kemudahan yang tersedia di Taman Tugu.



Antara laluan denai yang mendamaikan jiwa.




Laluan tangga.

penduduk yang tinggal di kawasan ini. Kesemua binaan ini merupakan sebahagian daripada kawasan Taman Tugu. Lebih daripada itu, pihak Khazanah juga telah membina semula madrasah yang lebih besar bagi kegunaan warga Muslim untuk solat Jumaat.

Sejak taman ini dibuka pada tahun 2018, kira-kira 60 000 pelawat



Tandas yang selesa.



Bekas tapak rumah di kawasan Taman Tugu.

telah datang ke taman ini. Mereka hadir secara persendirian mahupun secara berkumpulan dengan mengambil bahagian dalam program pendidikan, serta projek yang diadakan saban waktu. Selain itu, pada setiap minggu, terdapat kelas yoga percuma yang dikenali sebagai Flowga dan Zumba yang diadakan di Taman Tugu.

Pada hari Sabtu juga, sebuah pertubuhan, Free Tree Society, menawarkan kelas menanam dan membuat baja kompos bagi

pengunjung yang berminat. Selain itu, ada kalanya terdapat satu aktiviti yang bertemakan Project River Scientist dengan kerjasama Pusat Alam Sekitar Global untuk mengajar masyarakat tentang pemuliharaan sungai agar bersih dan tidak tercemar.

Taman Tugu juga mengambil inisiatif seperti menganjurkan pelbagai program kesenian yang

menggunakan daun, batu dan tongkat untuk menghasilkan objek seni. Aktiviti ini diwujudkan bagi menggalakkan lagi interaksi antara alam semula jadi dengan pencinta seni, di samping mempelbagaikan lagi aktiviti buat pengunjung.

Buat warga Kuala Lumpur yang meminati alam semula jadi, jangan tunggu lagi.

Berkunjunglah ke Taman

Tugu dan nikmatilah suasana hutan sekunder di tengah-tengah ibu kota. 